**Oleh Adeeba Hanie Abu Bakar**
Sekolah Seri Puteri Cyberjaya
bhskor@mediaprima.com.my

# Sekolah Seri Puteri Cyberjaya cipta

## bahan penjagaan gigi




Kebanyakan bahan kesihatan untuk gigi dan mulut diperbuat daripada bahan kimia, yang boleh mendatangkan kesan sampingan kepada pengguna.

Satu produk baru daripada bahan semula jadi perlu diusahakan bagi memastikan penggunaannya selamat terutama dalam kalangan kanak-kanak mahupun orang dewasa.

Menyedari keperluan itu, sekumpulan pelajar dan tenaga pengajar Sekolah Seri Puteri Cyberjaya menghasilkan projek `Momusops Elengi L. *'Extract Keep The Dentist Away'*.

Produk menggunakan pati daripada pokok tanjung atau Mimusops elengi mendapat nasihat dan bimbingan daripada pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM).




***Wakil daripada Sekolah Seri Puteri Cyberjaya,*** *Nurfahani dan Adeeba diiringi pengiring Puan Habsah bergambar kenangan ketika mewakili negara ke Macau, baru-baru ini.*




***Nurfahani dan Adeeba*** *diiringi Puan Habsah bergambar kenangan sambil menunjukkan sijil anugerah emas yang dimenangi.*

> "BAHAN ITU BERUPAYA MENJADI AGEN ANTIBAKTERIA PEREPUTAN ATAU DENGAN LAIN PERKATAAN BERTINDAK SEBAGAI PENCEGAH KARIES GIGI"
>
> **Sumber**

Bahan itu berupaya menjadi agen anti bakteria pereputan atau dengan lain perkataan bertindak sebagai pencegah karies gigi.

Terdahulu, projek yang disertai oleh Nurfarhani Irfan Nor Azmi dan Adeeba Hanie Abu Bakar diiringi guru pengiring, Puan Habsah Ahmad.

Masing-masing pernah menyertai pertandingan: International Engineering Invention Exhibition (i-Envex)) And Malaysian International Young Inventors Olympiad (MIYIO) 2012, pada 26 hingga 29 April 2012, yang dianjurkan oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Dalam pertandingan itu, Sekolah Seri Puteri Cyberjaya mendapat anugerah emas, Jun tahun lalu, pasukan Sekolah Seri Puteri Cyberjaya berangkat ke Macau bersama-sama kontinjen UniMAP.

Projek itu dipertandingkan sekali lagi dan meraih dua anugerah iaitu *`Silver Award'* dan *`Special Award'* daripada Korean Invention Academy.